

29/07/1997

Kamaruddin calon BN di Semerak

PASIR PUTEH, Isnin - Ketua Umno Bahagian Pasir Puteh, Kamaruddin Md Nor dipilih sebagai calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak, pada 11 Ogos ini.

Pemilihan Kamaruddin, 50, seorang ahli perniagaan, dibuat dan dipersetujui oleh Presiden Umno yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengumuman itu dibuat oleh Pengerusi BN negeri, Datuk Annuar Musa di Bilik Gerakan BN Semerak di Cherang Ruku dekat sini, malam ini.

Kamaruddin dilahirkan di sini pada 28 Mei 1947 dan menyertai Umno pada 1980 sebelum dilantik sebagai ahli jawatankuasa bahagian Pasir Puteh merangkap Pengerusi Biro Pelajaran Umno Bahagian dan ahli jawatankuasa Biro Penerangan Umno Pusat pada 1987.

Beliau kemudian dilantik sebagai Setiausaha Bahagian dan Ketua Penerangan, sebelum memegang jawatan Ketua Bahagian Umno Pasir Puteh pada 1993. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kamil dan Sekolah Menengah Kamil Pasir Puteh (1954-1965), Kamaruddin meneruskan pengajian di Maktab Sultan Ismail (SIC) Kota Bharu, sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya (UM) pada 1969 hingga 1972 dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian).

Kepemimpinannya terserlah apabila dipilih sebagai Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) (1970-72) dan dilantik Setiausaha Agung serta Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) pada 1973-1985 yang ketika itu dipimpin oleh Presidennya, Anwar Ibrahim (Datuk Seri).

Kamaruddin juga pernah menjadi wakil Perhimpunan Belia Islam Sedunia (Wamy)-Riyadh dan Wakil Persekutuan Pelajar Islam Antarabangsa (Iffso) bagi Asia Pasifik yang beribu pejabat di Riyadh, Arab Saudi.

Dalam bidang perniagaan, beliau menjadi pengarah beberapa syarikat seperti Dallah Al-Barakah Malaysia Holdings, Joint Arab-Malaysian Investment (Jami) dan Land & General Bhd, selain menjadi Pengerusi Dialogue Group Bhd.

Beliau juga adalah Pengarah Yayasan Anda Akademik mulai 1972 hingga kini dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) (1991-1995).

Kamaruddin turut menjadi Ahli Pemegang Amanah Yayasan Aman (1990 hingga sekarang) dan Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sejak 1996.

Hasil perkahwinan dengan Rashidah Musa, pasangan itu dikurniakan 10 anak iaitu tujuh lelaki dan tiga perempuan.

(END)